

Matrikulasi bolehkan pelajar Melayu bersaing kaum lain — PM

UM - 1 JUN 2002

Oleh ASUKI ABAS
dan KAMARUDDIN MD. AMIN

PUTRAJAYA 31 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa langkah kerajaan membuka Program Matrikulasi kepada bukan bumiputera adalah bagi membolehkan pelajar Melayu bersaing dengan kaum lain.

Perdana Menteri berkata, pelajar Melayu yang mengikuti program itu akan hilang daya saing sekiranya mereka tidak boleh menyesuaikan diri dengan kehidupan sebenar atau tidak

mampu berinteraksi dengan kaum lain.

“Pelajar Melayu yang mengikuti program ini kadang-kadang datang dari sekolah-sekolah yang tidak ada langsung kaum lain seperti Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang ada masyarakat Melayu sahaja.

“Jadi mereka kemudiannya tidak boleh menyesuaikan diri dengan masyarakat sebenar, atau kehidupan sebenar yang mereka akan hadapi,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian kepada pemberita selepas

mempengerusikan sesi kedua majlis Dialog Belanjawan 2003 di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai keputusan Kabinet memperuntukkan kuota sebanyak 10 peratus dalam Program Matrikulasi kepada pelajar bukan bumiputera mulai tahun depan.

Keputusan tersebut yang dibuat pada mesyuarat jemaah menteri kelmarin sekali gus menamatkan monopoli bumiputera dalam program tersebut sejak diwujudkan hampir 30 tahun lalu.

Ia menambahkan lagi saluran pelajar bukan bumiputera untuk memohon memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Pada masa ini pelajar bukan bumiputera hanya boleh memohon ke IPTA menerusi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) manakala pelajar bumiputera melalui STPM, Program Matrikulasi dan Pusat Asasi Sains di Universiti Malaya.

Keputusan jemaah menteri itu melibatkan semua 22 buah kolej matrikulasi kementerian termasuk yang dikendalikan

■ Lihat muka 4

Matrikulasi bolehkan pelajar Melayu bersaing kaum lain — PM

UM - 1 JUN 2002

oleh institusi pengajian tinggi swasta.

Menurut Perdana Menteri, masyarakat Melayu tidak seharusnya tidak berpuas hati dengan keputusan itu kerana sesuatu kaum itu tidak boleh dilindungi selama-lamanya.

“Kalau kita dari kecil sampai besar tidak tahu kaum lain langsung, kita tidak boleh berinteraksi dengan mereka (kerana) kita tidak boleh hidup selalu dengan ada pagar di keliling kita.

“Kalau kita buat macam itu esok kita tidak boleh bersaing dengan sesiapa pun,” ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir turut menyifatkan perlindungan terhadap kaum Melayu bumiputera sebagai ‘tongkat’ yang boleh menyebabkan kaum itu tidak mampu berdiri atas kaki sendiri.

“Selalu kita hendak (perlindungan), kata orang kalau kita selalu pakai tongkat bila hendak berjalan, sampai bila-bila pun kita tidak boleh berdiri tanpa tongkat,” kata Dr. Mahathir.

Mengenai hasil kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB), Perdana Menteri berkata, rundingan yang dijalankan antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Cuepacs masih berjalan dan belum diputuskan lagi.

“Kita belum tamat lagi, baru tengah runding (jadi) biarlah runding dulu,” katanya mengulas perbincangan antara JPA dan Cuepacs mengenai kajian semula SSB semalam.